



HITACHI
Inspire the Next

Arahan dan pemasangan Manual Pemanas Pancuran **Elektrik**

MODEL : HES-36WY/HES-48WY

KANDUNGAN/CONTENTS

AWASAN KESELAMATAN

AMARAN DAN AWASAN 1

ARAHAN PENGGUNAAN

1. NAMA BAHAGIAN	3
2. CARA PENGGUNAAN	4
3. CARA MELARASKAN SUHU AIR	5
4. ISU PENTING	5
5. AWASAN	6
6. PENYENGGARAAN	7
7. PEMERIKSAAN ASAS SEBELUM MENGHUBUNGI JURUTEKNIK	8
8. SPESIFIKASI	9

ARAHAN PEMASANGAN



1. SEBELUM MEMULAKAN PEMASANGAN	10
2. ARAHAN PEMASANGAN	11
3. HOS AIR	13
4. SAMBUNGAN WAYAR	13
- CARA MEMASANG ROD BUMI	
- SELEPAS PEMASANGAN	
5. UJIAN OPERASI	15

- Sila baca manual arahan sebelum menggunakan produk ini agar ia digunakan dengan betul. Selepas membaca, sila simpannya untuk rujukan pada masa hadapan.


PENGAWASAN KESELAMATAN

AMARAN

Cara penggunaan Produk : Melaraskan suhu air.

 Amaran	Ini bermaksud terdapat risiko kecederaan atau kematian.
 Awas	Ini bermaksud terdapat risiko kecederaan atau kerosakan.

Contoh gambar		Ini bermaksud amaran atau awas.
		Ini bermaksud sesuatu yang tidak boleh atau tidak patut dilakukan.
		Ini menunjukkan sesuatu yang harus dilakukan.

 Amaran	
<ul style="list-style-type: none"> Unit Pemanas Pancuran Elektrik mesti dibumikan. Pembumian yang tidak sempurna boleh menyebabkan kejutan elektrik. 	<ul style="list-style-type: none"> Jangan memasang dan menanggalkan dan memasang semula unit tersebut sendiri. Pemasangan yang tidak sempurna akan menyebabkan kebocoran, kejutan elektrik atau kebakaran. Sila rujuk pakar atau wakil penjual yang berdaftar untuk kerja-kerja.
<ul style="list-style-type: none"> Selepas pemasangan unit Pemanas Pancuran Elektrik dibuat, ia perlu dikedapkan dengan Plaseal untuk melindungi air dari luar masuk ke dalam unit. Sekiranya tidak dikedap dengan Plaseal, air boleh masuk ke dalam unit. Ia boleh menyebabkan kejutan elektrik, litar pintas atau kebakaran. 	<ul style="list-style-type: none"> Jangan kongsi paip salur masuk dan salur keluar unit Pemanas Pancuran Elektrik tersebut. Tekanan akan turun disebabkan oleh air yang keluar ke tempat lain. Suhu air pancuran boleh menjadi sangat panas.
<ul style="list-style-type: none"> Jangan pasang sebarang injap penahan di dalam talian paip salur keluar. 	<ul style="list-style-type: none"> Jangan gantikan Kepala Pancuran, Hos Pancuran atau sebarang bahagian lain unit tersebut dengan barang ganti selain daripada barang tulen HITACHI.
<ul style="list-style-type: none"> Hos logam / chrome dan injap kawalan konduktif tidak boleh digunakan. 	

HITACHI



Awas


<ul style="list-style-type: none">Jangan kongsi salur keluar.		<ul style="list-style-type: none">Jangan sembur air ke bahagian badan atau letakkan tuala basah di atasnya.	
<ul style="list-style-type: none">Jangan masukkan jari atau sesuatu yang lain ke dalam unit Pemanas Pancuran Elektrik.		<ul style="list-style-type: none">Jangan sekat Kepala Pancuran dengan tangan atau tuala.	
<ul style="list-style-type: none">Jangan betulkan tui secara paksa dengan menggunakan pita, dsb. Jika tui Set Semula ELCB tidak boleh ditetapkan walaupun jika anda menolaknya ke atas.		<ul style="list-style-type: none">Jangan bengkokkan Hos Pancuran.	
		<ul style="list-style-type: none">Matikan Bekalan Kuasa sebelum memeriksa unit.	
<ul style="list-style-type: none">Apabila pancuran digunakan oleh seseorang seperti kanak-kanak, orang tua, orang sakit dan orang cacat fizikal, orang yang berkenaan diminta untuk memberi perhatian dan memeriksa suhu pancuran dengan menggunakan tangan dari semasa ke semasa.		<ul style="list-style-type: none">Berhati-hati dengan suhu pancuran ketika mengurangkan isi padu air. Suhu air akan menjadi sangat panas jika kadar aliran air terlalu rendah.	

ARAHAN PENGGUNAAN

Sila baca manual arahan sebelum menggunakan produk ini agar ia digunakan dengan betul. Selepas membaca, sila simpannya untuk rujukan pada masa hadapan.

1. NAMA BAHAGIAN

Peralatan di dalam bingkai perlu disediakan secara berasingan.



SENARAI BAHAGIAN






Unit	Kepala pancuran	Hos Pancuran	Manual arahan	Helaian panduan pemasangan	Rak Penyangkut Pancuran	Pemegang Rel
Set Injap Air	Getah pembungkusan (4 biji)	Skru (8 biji)	Palam dinding (8 biji)	Plaseal (1 set)	Dulang Sabun	Bar Leret
	X 2 (Barang ganti 2 biji)	X 6 (Barang ganti 2 biji)	X 6 (Barang ganti 2 biji)			

HITACHI

2. HOW TO USE ELECTRIC SHOWER HEATER


1. CARA PENGGUNAAN

- 1) Hidupkan suis pemutus litar (No.1)
- 2) Tolak ke atas tuil set semula ELCB (No.7) jika ia di kedudukan bawah.
- 3) Buka injap air utama (No.3) (air akan mengalir keluar dari pancuran)
- 4) Semasa menekan Suis PUSH ON/OFF (No.4), penunjuk ELCB akan menyala.
- 5) Hidupkan butang kawalan suhu (No.4) kepada suhu yang diingini. Lampu kawalan suhu akan menyala.
- 6) Pilih aliran pancuran dengan memutar tuil aliran pancuran.
Terdapat 5 jenis aliran pancuran seperti yang berikut:

1.  = Pancuran Urutan
2.  = Pancuran Luar dan Hujan Urutan
3.  = Pancuran Luar
4.  = Pancuran Luar dan Hujan Dalam
5.  = Pancuran Dalam

Catatan Imej aliran pancuran yang ditunjukkan di atas “●” ialah aliran pancuran yang dipilih.

- (a) Longgarkan tombol Penyangkut Pancuran dan laraskan lebih tinggi atau lebih rendah. Ketatkan Tombol Penyangkut Pancuran.
- (b) Longgarkan Tombol Penyangkut Pancuran dan Penyangkut Pancuran boleh dilaraskan ke kiri atau kanan.



- (c) Sudut Kepala pancuran boleh dilaraskan
- (d) Laraskan dulang sabun lebih tinggi atau rendah dan kiri atau kanan.


Catatan

- ❑ Aliran pancuran tidak boleh digunakan pada tekanan air yang rendah.

2. PELARASAN KADAR ALIRAN AIR

Cara melaraskan kepada kadar aliran air maksimum


Pusing Tombol Injap Air ke kedudukan isi padu maksimum (rujuk Rajah 1).



(Rajah 1)

Nota: Pengawal Atur Aliran Air mesti dilaraskan oleh pengilang

3. CARA MELARASKAN SUHU AIR



- Pusingkan kawalan suhu (No.5) kepada aras yang dikehendaki. Kawalan POWER (Lampu merah) menyala, suhu akan menjadi tetap.
- Jika memusingkan kawalan suhu kepada OFF lampu isyarat akan padam. Pada ketika ini unit tidak mempunyai kuasa, oleh itu, air tidak dipanaskan.
- Tutup salur masuk dengan menutup injap kemudian lampu penunjuk POWER akan padam.

4. ISU PENTING

- Jika anda gunakan injap lain bersama-sama dengan pemanas pancuran, tekanan air akan turun. Hanya sedikit air keluar akan menjadikan suhu air panas tersebut bertambah tetapi ia bukanlah tanda kerosakan pemanas pancuran itu. Sila laraskan suhu melalui injap air.
- Sekiranya berlaku kilat petir, sila tutup pemutus litar bagi melindungi daripada kerosakan.
- Jika tuil set semula ELCB tidak boleh kembali ke kedudukan sebelumnya. Walaupun telah ditekan ke atas atau digerakkan ke bawah semasa pengendalian. Sila maklumkan wakil penjual. [Jangan lekatkan tuil (ke Atas-ke Bawah) menggunakan pita dengan sendiri]
- Sila ambil langkah berjaga-jaga bagi kanak-kanak, orang tua, pesakit, dan orang cacat fizikal. Jika mereka menggunakannya, orang yang berdekatan haruslah memeriksa suhu air.

5. AWASAN

❑ Jangan sambungkan tiub air sejuk ke salur keluar air panas.

❑ Jangan pasang sebarang injap penahan di dalam talian paip salur keluar. Ia akan menyebabkan tangki pemanasan atau paip rosak.




❑ Jangan gunakan hos pancuran pembuat lain dan hos pancuran yang diperbuat daripada logam. Penggunaan hos pancuran logam akan menyebabkan kejutan elektrik secara tidak sengaja. Gunakan hanya hos dan kepala pancuran yang dibungkus di dalam Pemanas Pancuran Hitachi.

❑ Jangan sembur ke pemanas pancuran atau letakkan kain basah di atas pemanas pancuran.

❑ Jangan tutup kepala pancuran dengan tangan anda atau tuala mandi atau lipat hos pancuran.

❑ Jangan melaraskan atau membaiki aksesori bagi mencegah tekanan lampau air.

❑ Sekiranya menetapkan suhu tinggi dan mengurangkan tekanan air dengan pantas, akan menyebabkan air panas melimpah keluar dari salur keluar. Jadi, sila berhati-hati.



AMARAN

Matikan suis PUSH ON/OFF unit setiap kali selepas menggunakannya.

6. PENYENGGARAAN




1. Periksa operasi pemutus litar kebocoran bumi (ELCB) sebulan sekali.

- Tekan butang ujian ELCB seperti biasa. Tuil set semula ELCB akan jatuh ke bawah. Jika tidak sila maklumkan kepada wakil penjual untuk pemeriksaan.
- Tolak ke atas tuil set semula ELCB seperti biasa untuk menetapkan operasi "ELCB" sekali lagi. Bagi memastikan anda telah memutuskan litar dalam keadaan ini.



2. Membersihkan penapis

- Penapis perlu dibersihkan setiap bulan.
- Apabila air panas tidak mengalir seperti biasa.
- Penapis Air boleh ditanggalkan dengan mudah dengan memusing tombol penapis air melawan arah jam dan menariknya keluar.



- Masukkan penapis air dengan aturan yang betul dan ketatkannya dengan rapi (mengikut arah jam)

3. Membersihkan Kepala Pancuran


- Gunakan berus lembut untuk membersihkan sekeliling penutup luar kepala pancuran. Jangan tanggalkan mana-mana bahagian kepala pancuran untuk dibersihkan. Ia boleh menyebabkan kerosakan.
- Bersihkan kepala pancuran sebulan sekali.



4. Membersihkan Badan

Pastikan tuil set ELCB dijatuhkan ke bawah sebelum pembersihan.

- Bersihkan badan pemanas pancuran dengan menggunakan kain yang dicelup ke dalam air dan diperah hingga kering.
- Jangan gunakan benzena dan pencair dan bahan sepertinya untuk pembersihan.



7. PEMERIKSAAN ASAS SEBELUM MENGHUBUNGI JURUTEKNIK

1. Sila periksa perkara berikut, sebelum memanggil juruteknik.

TANDA-TANDA	TITIK PEMERIKSAAN
AIR SUKAR UNTUK KELUAR	1. Periksa jika penapis dihalang oleh habuk, bersihkan jika kotor. 2. Periksa jika kepala pancuran dihalang oleh habuk, bersihkan jika kotor.
ANDA HANYA MENDAPAT AIR SEJUK SAHAJA	Periksa jika tuil set semula ELCB berada dalam kedudukan bawah. Ia mungkin disebabkan ELCB berfungsi. Sila tolaknya ke atas jika ia di kedudukan bawah.
AIR TIDAK KELUAR	Periksa jika injap salur masuk tertutup. Jika ia tertutup, bukakannya.

2. Jika anda mendapati ralat berikut berlaku semasa operasi, sila hubungi wakil penjual dengan segera.

- 1) Air bocor.
- 2) Air tidak mengalir dengan baik.
- 3) Tidak boleh mengawal suhu panas air.
- 4) Lampu isyarat tidak berfungsi.

3. Pembaikan mesti dilakukan oleh juruteknik khusus.

Jangan buka penutup dan cuba baiki sendiri.

8. SPESIFIKASI

MODEL	HES-36WY	HES-48WY
Voltan	240V 50/60 Hz	
Penggunaan kuasa	3,600 W	4,800 W
Tekanan air minimum	15.6906 kPa (0.16 Kgf/cm ²)	
Tekanan air maksimum	343.233 kPa (3.5 Kgf/cm ²)	
Aksesori keselamatan	Suis Hidup-Mati, Termostat, Pemutus litar (ELCB), Injap keselamatan, Penderia air	
Dimensi	215 (W) x 377 (H) x 105 (D) mm.	
Berat	2.7 Kg.	2.8 Kg.
Sistem salur keluar	Sistem Titik Tunggal (Salur Keluar Terbuka)	

ARAHAN PEMASANGAN

Ia harus dipasang oleh pakar, sila bertanya kepada wakil penjual "HITACHI"


AMARAN

- Unit mestilah sentiasa dibumikan.
- Unit penuras air harus dipasang sebelum air mengalir ke dalam unit pancuran.
- Jangan pasang pintu air atau sebarang injap di salur keluar hos air.
- Anda mesti sentiasa memasang injap keselamatan pada unit tersebut.

1. SEBELUM MEMULAKAN PEMASANGAN

- 1) Sila periksa untuk memastikan bahawa terdapat tekanan air yang mencukupi dengan tekanan air minimum bagi model HES-36WY, HES-48WY ialah 15.6906 kPa (0.16 Kgf/cm²) dan tekanan maksimum mestilah kurang daripada 343.233 kPa (3.5 Kgf/cm²)

- Cara mengukur tekanan air
kanan. Iaitu, air mestilah boleh mengalir keluar dari unit sekurang-kurangnya setinggi 2.7 meter.




- 2) Wayar elektrik mestilah disambungkan secara kekal dengan talian utama mengikut jadual di bawah.

MODEL	PEMUTUS LITAR	SAIZ WAYAR DAN WAYAR BUMI YANG DISAMBUNGAN KE PEMANAS PANCURAN
HES-36WY HES-48WY	30A. 240V.	4 sq. mm.

2. ARAHAN PEMASANGAN


1) Di mana hendak dipasang

- Mesti dipasang pada dinding, seperti di dalam gambar.
- Ia harus dipasang sekurang-kurangnya 1.70 M. atas dari lantai.






2) Membuka penutup keluar dari tapak unit.

- Tarik tombol kawalan suhu.
- Tanggalkan skru di bahagian bawah unit.
- Tarik keluar penutup dari bawah dahulu dan buka kunci bahagian sisi di bahagian atas.



3) Pasang pada dinding konkrit, bata atau seramik.


- Gerudi lubang pada dinding.
- Masukkan palam ke dalam lubang.
- Ketatkan dua skru dalam palam teratas meninggalkan ruang lebih kurang 3 ke 4 mm. Selepas itu gantungkan unit pemanas pada skru dan ketatkan 4 skru lagi dan tutup lubang itu dengan plaseal.
- Pasang penyangkut pada paras yang betul. Jika kepala pancuran digantung, kedudukan tertinggi kepala pancuran tidak boleh melebihi bahagian teratas pemanas air.
- Selepas pemasangan unit pemanas, teruskan dengan memasang injap keselamatan pada unit tersebut di tiub salur masuk air.




4) Pemasangan Penyangkut Pancuran.

- 1) Pasang Pemegang Rel Atas dan Pemegang Rel Bawah supaya tinggi Kepala Pancuran tidak lebih tinggi daripada bahagian atas unit.


Pastikan paras dinding mestilah sama dengan kedudukan pemasangan Pemegang Rel Atas dan Pemegang Rel Bawah. Jika dinding tidak berada pada paras yang sama, sila gunakan penjarak (tidak disertakan) untuk memasang aksesori.




- 2) Pasang Pemegang Rel Atas di dinding tetapi tidak lebih tinggi daripada bahagian atas unit. Ketatkan Pemegang Rel Atas dengan 1 skru dan kemudian pasang penutup Pemegang Rel Atas.



- 3) Sediakan Penyangkut Pancuran dan Bar Leret, keluarkan Tombol Penyangkut Pancuran dengan memutarkannya (lawan arah jam) kemudian pasang bahagian-bahagiannya.




- 4) Ketatkan Penyangkut Pancuran dengan Tombol Penyangkut Pancuran.




- Penyangkut Pancuran akan jatuh dengan mudah sebaik sahaja Tombol dilonggarkan.

- 5) Pasang Pemegang Rel Bawah di dinding dengan Bar Leret. Ketatkan Pemegang Rel Bawah dengan 1 skru dan kemudian pasang penutup Pemegang Rel Bawah.



- 6) Laraskan Penyangkut Pancuran pada paras yang dikehendaki dan gantung Kepala Pancuran seperti ditunjukkan dalam rajah di bawah.




HITACHI

3. HOS AIR



1) Gunakan alatan yang betul untuk pemasangan

- ❑ Jangan sesekali mengetatkan nat plastik sehingga ia pecah.
- ❑ Ketatkan nat plastik bagi mencegah kebocoran air.



Amaran


- ❑ Jangan lupa memasukkan gelang getah pada hos salur masuk air dan salur keluar air.
- ❑ Jangan gunakan sebarang pita di tiub salur masuk dan salur keluar air.
- ❑ Jangan melaraskan atau mengubah suai injap keselamatan dengan sendiri.



4. SAMBUNGAN WAYAR


1) Sebelum mengendalikan sebarang bahagian elektrik, matikan pemutus litar terlebih dahulu.

- ❑ Gunakan wayar 4 sq. mm. persegi untuk pendawaian. (Lihat jadual di halaman 10)
- ❑ Sambung wayar terus dari pemutus litar mini (MCB) rumah dan pasang pemutus litar di luar bilik mandi.
- ❑ Pemanas pancuran mesti dipasang secara kekal dengan talian elektrik dan disambung dengan 2 elektrod pemutus litar, dengan jarak sekurang-kurangnya 3 mm. Pemutus mestilah boleh dilihat dengan mudah di luar bilik mandi.



2) Sambungkan pendawaian mengikut gambar

- Tebuk lubang pada gelang getah di tapak unit. Kemudian masukkan kabel elektrik dari belakang.
- Lucutkan tebatan kabel dan sambungkan ke pemutus litar kebocoran bumi (ELCB). Sambungkan talian tersebut ke terminal L dan NEUTRAL ke N dan kukuhkannya dengan skru.
- Sambungkan bahagian wayar bumi yang telah dilucutkan tebatannya ke terminal bumi tapak pemanas mengikut gambar berikut.



3) Sambungkan wayar ke terminal yang betul (L dan N)


- Sambungan terminal yang salah (L, N) boleh menyebabkan keabnormalan dalam litar. Dalam hal ini, ia boleh merosakkan fungsi unit atau menyebabkan litar pintas.

4) Pemanas pancuran mesti sentiasa dibumikan.

- Saiz wayar bumi yang digunakan dalam pemasangan, rujuk pada butiran di halaman 10.

CARA MEMASANG ROD BUMI

- Pilih kawasan yang lembap untuk meletakkan elektrod tembaga. Panjang minimum elektrod tembaga ialah 90 sm.
- Rod bumi mesti ditanam di dalam bumi di kedalaman minimum 70 sm jauh dari permukaan bumi.
- Pastikan rintangan bumi tidak melebihi 5 ohm.
- Jika rintangan melebihi 5 ohm, mungkin perlu ditambah dua atau tiga elektrod untuk pembumian.



AMARAN




Unit mesti dibumikan. Pembumian yang tidak betul boleh menyebabkan kejutan elektrik.

HITACHI

SELEPAS PEMASANGAN

- Periksa pemasangan wayar bumi mengikut tarikh dan tandatangan orang yang memasangnya di bahagian kanan selongsong badan.



5. UJIAN OPERASI

Sila terangkan arahan operasi unit pemanas ini kepada pelanggan atau pengguna anda.

Ujian operasi.

- Buka injap air dari injap utama (No. 2) air akan mengalir keluar dari kepala pancuran.
 - Periksa untuk melihat sama ada air bocor dari tiub atau tidak.
- Sebelum membuka pemutus litar (No. 1) sila periksa sambungan wayar.
 - Tolak pemutus litar (No. 1) pada kedudukan "ON".
 - Tolak tuil ELCB (No. 7) ke bahagian atas untuk membuatkan ELCB (No. 7) berfungsi.
 - Tekan butang pemeriksa ELCB (No. 6).
 - Jika tuil pemeriksa ELCB (No. 7) turun ke bawah, ia menunjukkan pemanas pancuran berfungsi secara normal.
 - Tolak tuil pemeriksa ELCB (No. 7) ke bahagian atas (Mesin tersebut sedia untuk berfungsi).
- Tekan suis PUSH ON/OFF (No. 4) lampu penunjuk berwarna Hijau (ELCB) menyala.
 - Pusingkan butang kawalan suhu (No. 5) kepada suhu yang dikehendaki. Lampu kawalan suhu berwarna merah akan menyala.

